

PM: Kerjasama sektor awam dan swasta penting

UM 19 AUG 1983

KUALA LUMPUR, 18 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi pentingnya kerjasama rapat dan persefahaman antara sektor awam dengan sektor swasta bagi meletakkan negara ke tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Ini dapat dicapai dengan mengamalkan konsep Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan, katanya di perasmian seminar mengenai Persyarikatan Malaysia di Pusat Pembangunan Asia-Pasifik di sini.

Ucapannya dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. James Ongkili. Seminar sehari itu dianjurkan oleh Universiti Malaya dan United Malayan Banking Corporation (UMBC).

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan ke-salnya kerana masih wujud persepsi yang kurang jelas mengenai proses pembinaan negara dan juga cara yang terbaik untuk mencapainya seperti yang dibuktikan oleh negara-negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan.

"Usaha-usaha pembangunan memerlukan kesungguhan, sokongan, penglibatan dan penyertaan setiap orang," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Sambil kerajaan memainkan peranan penting, pembangunan mestilah merupakan satu proses yang popular ia mestilah merupakan tindakan rakyat.

Tetapi malangnya berbagai komponen dan konsep pembangunan itu yang seharusnya membantu kita lebih memahami dan mengendalikan pembangunan itu, telah menimbulkan lain-lain masalah pula."

Katanya, ini ialah kerana kurangnya sikap dan persepsi yang betul bahawa sektor swasta dan sektor kerajaan berusaha ke arah satu kebaikan bersama.

Katanya, kerjasama rapat memang sentiasa terjalin antara sektor awam dengan sektor swasta di Malaysia, tetapi sokongan aktif dari pihak sektor awam untuk memastikan kejayaan usaha sektor swasta dan sebaliknya tidak begitu dimajukan. Malah setengah-setengahnya merupakan satu sikap pertentangan yang boleh menjejaskan kedua-dua pihak.

"Dengan berlatarbelakangkan inilah maka konsep Persyarikatan Malaysia diperkenalkan," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta telah menjadi lebih penting memandangkan sektor swasta mempunyai peranan yang lebih luas untuk dimaikkannya di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Katanya, rancangan itu menyatakan bahawa peranan strategik sektor swasta jelas ditunjukkan oleh jumlah pelaburan yang begitu besar yang akan ditampung oleh sektor tersebut, sebanyak 72.7 peratus bagi tempoh 1981-1985.